

HONG LEONG MSIG TAKAFUL BERHAD

TAKAFUL CERTIFICATE
SIJIL TAKAFUL

HLM TAKAFUL i-Salam
HLM TAKAFUL i-Salam

SECTION A: GENERAL CONDITIONS
BAHAGIAN A: SYARAT-SYARAT AM

1. DEFINITION/DEFINISI

In this Certificate, unless the context requires otherwise/ *Dalam Sijil ini, melainkan konteks bermaksud sebaliknya:*

"Activities of Daily Living (ADL)" are defined as follows/ **"Aktiviti Kehidupan Harian (ADL)"** bermaksud:-

- (a) Transfer: Getting in and out of a chair without requiring physical assistance.
Tukar kedudukan – duduk dan bangun dari kerusi tanpa memerlukan bantuan fizikal.
- (b) Mobility: the ability to move from room to room without requiring any physical assistance.
Pergerakan: keupayaan untuk bergerak dari bilik ke bilik tanpa memerlukan bantuan fizikal.
- (c) Continence: the ability to voluntarily control bowel and bladder functions such as to maintain personal hygiene.
Kontinens: keupayaan untuk mengawal keinginan membuang air besar dan kecil bagi menjaga kebersihan diri.
- (d) Dressing: putting on and taking off all necessary items of clothing without requiring assistance of another person.
Memakai Pakaian: memakai dan menanggalkan semua pakaian yang perlu tanpa memerlukan bantuan orang lain.
- (e) Bathing/Washing: the ability to wash in the bath or shower (including getting in or out of the bath or shower) or wash by any other means.
Mandi/Membersihkan Diri: keupayaan untuk membersihkan diri di bilik mandi atau pancuran air (termasuk keluar masuk bilik mandi atau pancuran) atau membersihkan diri dengan sebarang cara lain.
- (f) Eating: all tasks of getting food into the body once it has been prepared.
Makan: semua pergerakan untuk memasukkan makanan ke dalam badan selepas makanan disediakan.

"Age" means the age of the Person Covered on the next birthday as stated in the Schedule;

"Umur" bermaksud Umur Orang Dilindungi pada harijadi akan datang seperti yang tercatat dalam Jadual;

"Annexure(s)" means the document(s), if any, annexed to this Certificate;

"Lampiran-lampiran" bermaksud dokumen-dokumen, jika ada, yang dilampirkan dengan Sijil ini;

"Benefit" means the Benefit payable from the Participants' Risk Fund managed by the Takaful Operator pursuant to this Certificate and specified as such in the Schedule;

"Manfaat" bermaksud Manfaat yang perlu dibayar daripada Dana Risiko Peserta yang diuruskan oleh Pengendali Takaful menurut Sijil ini dan seperti yang dinyatakan dalam Jadual;

"Certificate Anniversary Date" means the date in any subsequent calendar year corresponding numerically with the Commencement Date;

"Tarikh Ulang Tahun Sijil" bermaksud tarikh dalam mana-mana tahun kalendar seterusnya yang sama dari segi nombor dengan Tarikh Permulaan;

"Certificate Year" means each period of twelve (12) months commencing from the Commencement Date and, thereafter, from a Certificate Anniversary Date;

"Tahun Sijil" bermaksud setiap tempoh dua belas (12) bulan bermula dari Tarikh Permulaan dan, selepasnya, dari Tarikh Ulang Tahun Sijil;

"Commencement Date" means the date from which Takaful coverage under this Certificate begins as specified in the Schedule;

"Tarikh Permulaan" bermaksud tarikh perlindungan Takaful di bawah Sijil ini bermula seperti yang dinyatakan dalam Jadual;

"Conditional Hibah" means a Participant nominates a person, without any compensation and during the Participant's lifetime to be the recipient of Benefit payable under the Certificate, subject to the Nomination and Assignment Clause of the Certificate;

"Hibah Bersyarat" bermaksud seorang Peserta melantik seorang individu, tanpa sebarang pampasan dan ketika hayat Peserta untuk menjadi penerima Manfaat yang perlu dibayar di bawah Sijil ini, tertakluk kepada Klausula Penamaan dan Penyerahan Hak Sijil ini;

"Contribution" means the Contribution as shown in the Schedule;

"Sumbangan" bermaksud Sumbangan seperti yang ditunjukkan dalam Jadual;

"Contribution Due Date" means the first day on which the Contribution is due, according to the payment frequency shown in the Schedule. The first Contribution Due Date is the Commencement Date;

"Tarikh Sumbangan Perlu Dibayar" bermaksud hari pertama Sumbangan yang perlu dibayar menurut frekuensi bayaran seperti yang ditunjukkan dalam Jadual. Tarikh Sumbangan Perlu Dibayar yang pertama adalah pada Tarikh Permulaan;

"Endorsement(s)" means the annexure(s), if any, annexed to this Certificate modifying or varying any terms or conditions contained in this Certificate;

"Pengendorsan" bermaksud lampiran-lampiran, jika ada, ke atas Sijil ini yang meminda atau mengubahsuai mana-mana terma atau syarat yang terkandung dalam Sijil ini;

"Expiry Date" means the date beyond which this Certificate will no longer be in-force if not earlier terminated in accordance with Clause 22 of Section A hereunder;

"Tarikh Akhir" bermaksud tarikh selepas Sijil ini tidak lagi berkuatkuasa jika tidak ditamatkan lebih awal menurut Klausula 22 Bahagian A dibawah;

"Iltizam Bi Al Tabarru'" means the commitment to make Tabarru';

"Iltizam Bi Al Tabarru'" bermaksud komitmen untuk melakukan Tabarru';

"Issue Date" means the date on which the Certificate is issued by the Takaful Operator;

"Tarikh Pengeluaran" bermaksud tarikh Sijil dikeluarkan oleh Pengendali Takaful;

"Ju'alah" means an agreement in which the Participant agrees to reward the Takaful Operator for its achievement or good performance in managing the Participants' Risk Fund that leads to surplus to the Participants' Risk Fund;

"Ju'alah" bermaksud perjanjian di mana Peserta bersetuju untuk memberikan ganjaran kepada Pengendali Takaful kerana pencapaiannya atau prestasi yang baik dalam menguruskan Dana Risiko Peserta yang menyebabkan berlakunya lebihan dalam Dana Risiko Peserta;

"Medical Practitioner" means a registered medical practitioner qualified and licensed to practice western medicine and who, in rendering such treatment, is practicing within scope of his licensing and training in the geographical area of practice, but excluding a doctor, physician or surgeon who is the person covered himself;

"Pengamal Perubatan" bermaksud pengamal perubatan berdaftar yang berkelayakan dan berlesen untuk mengamalkan perubatan barat dan yang memberikan rawatan itu, mengamalkannya dalam skop pelesenan dan latihannya di kawasan geografi amalan, tetapi tidak termasuk doktor, pakar perubatan atau pakar bedah yang juga merupakan orang dilindungi;

"Participant" means the person who has legal title to this Certificate, hence owns this Certificate;

"Peserta" bermaksud orang yang mempunyai hak milik sah ke atas Sijil ini, oleh itu memiliki Sijil ini;

"Participants' Risk Fund (PRF) means a pool of funds for the purpose of mutual assistance, solidarity, brotherhood and for the mutual benefits of all Participants. The Participant shall agree, whilst their participation is in-force, to allocate the Contribution based on Contribution payment mode after deducting Wakalah to the PRF for the purpose of Tabarru' to other Participant when the misfortune occur, subject to the terms and conditions expressed herein;

"Dana Risiko Peserta (PRF)" bermaksud sekumpulan dana yang bertujuan untuk perlindungan bersama, perpaduan, persaudaraan dan juga manfaat bersama untuk semua Peserta. Peserta juga bersetuju untuk memperuntukkan Sumbangan berdasarkan mod bayaran Sumbangan selepas ditolak Wakalah ke dalam Dana Risiko Peserta (PRF) sepanjang penyertaan berkuatkuasa, untuk tujuan Tabarru' kepada Peserta lain apabila ditimpa musibah, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat yang terkandung dalam Sijil ini;

"Person Covered" means the person covered under this Certificate as named in the Schedule;

"Orang Dilindungi" bermaksud Orang Dilindungi dibawah Sijil ini seperti yang dinamakan dalam Jadual;

"Proper Claimant" means a person who claims to be entitled to the whole or part of the Benefit under the Certificate as executor of the deceased Participant, parent or guardian of an incompetent nominee or an assignee or who claims to be otherwise entitled to the Benefit under the relevant law;

"Penuntut yang Sesuai" ertinya seseorang yang beranggapan dirinya berhak kepada keseluruhan atau sebahagian daripada Manfaat di bawah Sijil ini sebagai wasi kepada Peserta yang telah mati, ibu atau bapa atau penjaga kepada seseorang penama yang tidak berkemampuan atau pemegang serah hak atau yang menuntut selainnya yang berhak kepada Manfaat di bawah undang-undang yang berkaitan;

"Qardh" means an interest free loan provided by the Takaful Operator in the event of deficit in the PRF;

"Qardh" bermaksud pinjaman tanpa faedah yang disediakan oleh Pengendali Takaful sekiranya berlaku defisit di dalam PRF;

"Schedule" means the Certificate Schedule annexed to this Certificate;

"Jadual" bermaksud Jadual Sijil yang dilampirkan kepada Sijil ini;

"Sum Covered" means the amount of Benefit payable under this Certificate;

"Jumlah Perlindungan" bermaksud amaun Manfaat yang akan dibayar di bawah Sijil ini;

"Surplus" means the surplus arising inclusive of the net investment profit from the Participants' Risk Fund after claims payable and reserve. The surplus, if any, is calculated and distributed annually;

"Lebihan" bermaksud lebihan termasuk keuntungan pelaburan bersih daripada Dana Risiko Peserta selepas pembayaran tuntutan dan rezab. Lebihan, jika ada, dihitung dan diagihkan setiap tahun;

"Tabarru'" means a certain portion of the Contribution that the Participant agrees to donate upon occurrence of events approved by Shariah Committee of the Takaful Operator, thus enabling him to fulfil his obligation of mutual help and joint guarantee should any of his fellow Participants suffer a defined loss where his donation is meant to help others and others' donations are meant to help him;

"Tabarru'" bermaksud sebahagian daripada Sumbangan yang mana Peserta bersetuju untuk menyumbang apabila berlakunya peristiwa yang diluluskan oleh Jawatankuasa Shariah Pengendali Takaful, dengan itu membolehkan Peserta memenuhi tanggungjawabnya untuk saling membantu dan jaminan bersama sekiranya Peserta-peserta lain mengalami kerugian yang ditakrifkan di mana sumbangannya adalah untuk membantu Peserta-peserta lain dan sumbangan Peserta-peserta lain adalah untuk membantunya;

"Takaful Operator" means Hong Leong MSIG Takaful Berhad;

"Pengendali Takaful" bermaksud Hong Leong MSIG Takaful Berhad;

"Wakalah" means essentially an agent-principal relationship, where the Takaful Operator acts as an agent on behalf of the Participants to manage the PRF on the Participants' behalf and the Takaful Operator earns Wakalah Fees for services rendered;

"Wakalah" bermaksud secara asasnya hubungan ejen-prinsipal, di mana Pengendali Takaful bertindak sebagai ejen bagi pihak peserta untuk menguruskan PRF bagi pihak Peserta dan Pengendali Takaful mendapat Yuran Wakalah bagi perkhidmatan yang diberikan;

"Wakalah Fees" means a fee payable to the Takaful Operator in return of the services rendered by the Takaful Operator in managing the PRF on behalf of the Participant. The Wakalah Fees will be used by the Takaful Operator to cover the management and distribution-related expenses.

"Yuran Wakalah" bermakna yuran yang perlu dibayar kepada Pengendali Takaful sebagai balasan kepada perkhidmatan yang diberikan untuk menguruskan PRF bagi pihak Peserta. Yuran Wakalah akan digunakan untuk menampung yuran pengurusan dan yuran berkaitan agihan.

2. BASIS OF THE CONTRACT/ ASAS KONTRAK

2.1 This Certificate has been issued pursuant to a proposal made by the Participant and in reliance upon:
Sijil ini dikeluarkan selaras dengan cadangan yang dibuat oleh Peserta dan berdasarkan kepada:

- (a) the answers given by the Participant and/or the Person Covered in the proposal form for this Certificate and any subsequent questionnaire given by the Takaful Operator in respect of any matter relating to the proposal form for this Certificate;

jawapan yang diberikan oleh Peserta dan/atau Orang Dilindungi dalam borang cadangan bagi Sijil ini dan sebarang soal selidik berikutnya diberikan oleh Pengendali Takaful berkenaan sebarang perkara yang berkaitan dengan borang cadangan untuk Sijil ini;

- (b) any disclosure made and/or information given by the Participant and/or the Person Covered from the time of submission of the proposal form for this Certificate to the Issue Date of this Certificate;

sebarang pendedahan yang dibuat dan/atau maklumat yang diberikan oleh Peserta dan/atau Orang Dilindungi dari tarikh penyerahan borang cadangan untuk Sijil ini pada tarikh pengeluaran Sijil ini; dan

- (c) any information contained in any medical and/or other reports and questionnaires submitted to the Takaful Operator in relation to this Certificate;

(hereinafter referred to collectively as 'the material information')

sebarang maklumat yang terdapat dalam mana-mana perubatan dan / atau laporan dan soal selidik yang dihantar kepada Pengendali Takaful berhubung dengan Sijil ini; (selepas ini dirujuk secara kolektif sebagai 'maklumat penting')

- (d) Participant is required by Takaful Operator, before the Certificate is renewed or varied, to answer any questions or if Participant is required to confirm or amend any matter previously disclosed by Participant to the Takaful Operator in relation to this Certificate, it is Participant duty to take reasonable care not to make any misrepresentation when answering the questions or confirming or amending any matter previously disclosed; and

Peserta dikehendaki oleh Pengendali Takaful, sebelum Sijil diperbaharui atau diubah, untuk menjawab sebarang soalan atau jika Peserta dikehendaki untuk mengesahkan atau meminda sebarang perkara untuk yang sebelum ini didedahkan oleh Peserta kepada Pengendali Takaful berhubung dengan Sijil ini, ia adalah kewajipan Peserta untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat apa-apa perkara yang telah didedahkan sebelumnya; dan

- (e) Participant must inform the Takaful Operator of any change to the information provided to the Takaful Operator in answering or in respect of any matter previously disclosed to the Takaful Operator in relation to the Certificate if such changes had taken place after Participant have submitted the application for renewal/variation but before the Certificate is renewed or varied.

Peserta perlu memaklumkan kepada Pengendali Takaful tentang sebarang perubahan maklumat yang diberikan kepada Pengendali Takaful dalam memberikan jawapan atau dalam sebarang perkara yang telah didedahkan sebelumnya kepada Pengendali Takaful berhubung dengan Sijil ini jika perubahan tersebut telah berlaku selepas Peserta telah menyerahkan permohonan pembaharuan/kelainan sebelum Sijil diperbaharui atau diubah.

The material information shall form an integral part of this contract of Takaful between the Participant and the Takaful Operator and shall, together with the terms and conditions of this Certificate, constitute the entire certificate between the Participant and the Takaful Operator.

Maklumat penting akan membentuk bahagian penting dalam perjanjian Takaful di antara Peserta dan Pengendali Takaful dan hendaklah, bersama-sama dengan terma-terma dan syarat-syarat Sijil ini, membentuk seluruh sijil di antara Peserta dan Pengendali Takaful.

The Participant is required to exercise reasonable care in answering the proposal form and/or when voluntarily disclosing information to the Takaful Operator. If the information that the Participant provides is inaccurate or fraudulently made, or the Takaful Operator finds that the Participant has suppressed any material fact, and such information is important to the Takaful Operator's decision whether to provide coverage to the Participant and/or the Person Covered under the Certificate, then the Takaful Operator may take action (s) as provided under Clause 2.2 and 2.3 herein.

Peserta dikehendaki untuk menggunakan kepedulian yang munasabah dalam menjawab borang cadangan dan/atau bilamana secara sukarela mendedahkan maklumat kepada Pengendali Takaful. Jika maklumat yang Peserta berikan adalah tidak tepat atau dibuat secara palsu, atau Pengendali Takaful mendapati bahawa Peserta telah menyembunyikan sebarang kenyataan, dan maklumat itu adalah penting untuk Pengendali Takaful menentukan sama ada untuk memberikan perlindungan kepada Peserta dan/atau Orang Dilindungi di bawah Sijil ini, maka Pengendali Takaful boleh mengambil tindakan-tindakan sebagaimana yang diperuntukkan di dalam Klausula 2.2 dan 2.3 dalam Sijil ini.

2.2 Deliberate or Reckless Misrepresentation / *Disengajakan Salahnyata yang Disengajakan atau Melulu*

Where the Takaful Operator finds any statements, documents, information in relation to this Certificate are untrue, misleading or where information has been suppressed from the Takaful Operator ("Misrepresentation") and:-

Di mana Pengendali Takaful menjumpai sebarang kenyataan, dokumen, maklumat berkaitan Sijil ini yang tidak benar, mengelirukan atau di mana maklumat disembunyikan dari Pengendali Takaful ("Salahnyata") dan:-

(a) Was made recklessly or intentionally; and

Dibuat secara melulu atau sengaja; dan

(b) is relevant to the Takaful Operator in so far as had such information been properly disclosed to the Takaful Operator, it would have led to:-

adalah relevan kepada Pengendali Takaful selagi maklumat tersebut telah didedahkan secara wajar, ianya akan mengakibatkan:-

(i) the Takaful Operator's refusal to issue this Certificate; or

keengganan Pengendali Takaful mengeluarkan Sijil ini; atau

(ii) the Takaful Operator imposing terms that are less favourable to the Participant and/or Person Covered.

Pengendali Takaful mengenakan terma yang kurang menguntungkan Peserta dan/atau Orang Dilindungi.

Then, the Takaful Operator may choose to either (a) avoid the Certificate or (b) avoid any cover/benefit in the Certificate as the case may be.

Maka, Pengendali Takaful akan memilih samada untuk (a) mengelakkan Sijil atau (b) mengelakkan sebarang perlindungan/ manfaat dalam Sijil mengikut mana-mana yang berkenaan.

If the Takaful Operator chooses to avoid the Certificate, the Takaful Operator will refund the unearned Wakalah Fees to the Participant/*Jika Pengendali Takaful memilih untuk mengelakkan Sijil, Pengendali Takaful akan membayar balik Yuran Wakalah yang masih belum diperoleh kepada Peserta.*

2.3 Careless or Innocent Misrepresentation / *Salahnyata yang Cuai atau Ikhlas*

If the Misrepresentation was/*Jika Salahnyata adalah:-*

(a) Careless or innocent; and

Cuai atau ikhlas; dan

(b) Had the condition or statement been correctly or accurately made known to the Takaful Operator at

the Commencement Date of the Certificate or any cover/ Benefit; and

Sekiranya syarat atau kenyataan adalah betul atau tepat dibuat kepada Pengendali Takaful pada Tarikh Permulaan Sijil atau mana-mana perlindungan/ manfaat; dan

- (i) As a result, the Takaful Operator would not have issued the Certificate from the very beginning then, the Takaful Operator may opt to avoid the Certificate and refuse any claim thereunder as if the Takaful Operator had never issued the Certificate. If the Takaful Operator avoids the Certificate, the Takaful Operator shall refund the following amount to the Participant.

Oleh itu, Pengendali Takaful tidak akan mengeluarkan Sijil dari permulaan lagi maka, Pengendali Takaful boleh memilih untuk mengelakkan Sijil dan menolak sebarang tuntutan di bawahnya disebabkan Pengendali Takaful tidak pernah mengeluarkan Sijil. Jika Pengendali Takaful mengelakkan Sijil ini, Pengendali Takaful akan membayar balik amaun berikut kepada Peserta:

- all Tabarru' allocated into the Participants' Risk Fund; and
semua Tabarru' yang diperuntukkan ke dalam Dana Risiko Peserta; dan
- unearned Wakalah Fees.
Yuran Wakalah yang masih belum diperolehi.

OR/ATAU

- (ii) As a result, the Takaful Operator would have issued or renewed the Certificate but on different terms then, the Takaful Operator may opt to impose those different terms in the Certificate and those terms may be applied retrospectively from the Commencement Date of the Certificate or the Cover/ Benefit as if the Certificate or the cover/ Benefit was issued with those terms;

Oleh itu, Pengendali Takaful sepatutnya mengeluarkan atau memperbaharui Sijil tetapi atas terma yang berbeza maka, Pengendali Takaful boleh memilih untuk mengenakan terma-terma yang berbeza tersebut di dalam sijil dan terma-terma tersebut boleh digunakan secara retrospektif dari Tarikh Permulaan Sijil atau perlindungan/ manfaat seolah-olah Sijil atau perlindungan/ manfaat dikeluarkan dengan terma-terma tersebut;

OR/ATAU

- (iii) As a result, the Takaful Operator would have issued or renewed the Certificate but with higher contribution or higher Tabarru' then the Takaful Operator may opt to reduce proportionately the Benefit payable from the Participants' Risk Fund based on the following calculations/ *Oleh itu, Pengendali Takaful akan mengeluarkan atau memperbaharui Sijil tetapi dengan sumbangan yang lebih tinggi atau Tabarru' yang lebih tinggi maka Pengendali Takaful boleh mengurangkan secara berkadar manfaat yang perlu dibayar dari Dana Risiko Peserta berdasarkan kiraan berikut:*

$$\frac{\text{Contribution actually charged}}{\text{Contribution that would have been charged}} \times \text{Claim amount as per this Certificate}$$

$$\frac{\text{Sumbangan sebenar yang dikenakan}}{\text{Sumbangan yang sepatutnya dikenakan}} \times \text{Amaun tuntutan Sijil ini}$$

3. PAYMENT OF CONTRIBUTIONS/ PEMBAYARAN SUMBANGAN

The Contribution and all other amounts payable under this Certificate is payable at the Takaful Operator's head office or via such other methods as may be notified by the Takaful Operator from time to time in writing at or before the time specified in the Schedule or any Endorsement.

Sumbangan dan semua amaun lain yang perlu dibayar di bawah Sijil ini perlu dibayar di ibu pejabat atau melalui sebarang kaedah lain sebagaimana yang diberitahu oleh Pengendali Takaful dari semasa ke semasa secara bertulis pada atau sebelum masa yang dinyatakan dalam Jadual atau mana-mana Pengendorsan.

No receipt shall be valid for any Contribution or any other amounts payable under this Certificate received unless issued under the authority of the Takaful Operator.

Resit tidak akan dianggap sah untuk sebarang Sumbangan atau mana-mana amaun lain yang perlu dibayar di bawah Sijil ini melainkan yang dikeluarkan di bawah bidang kuasa Pengendali Takaful.

It is the obligation of the Participant to ensure that the Contribution and all other amounts payable under this Certificate are duly paid when due; the Takaful Operator has no obligation to send any reminder or notice to the Participant in respect of any Contribution or any other amounts which are due to be paid. For the avoidance of doubt and notwithstanding anything herein to the contrary, the Contribution and all other amounts payable under this Certificate shall be made payable to **HONG LEONG MSIG TAKAFUL BERHAD** only.

*Adalah menjadi tanggungjawab Peserta untuk memastikan bahawa Sumbangan dan semua amaun lain yang perlu dibayar di bawah Sijil ini telah dibayar dengan sewajarnya apabila tiba masanya; Pengendali Takaful tidak bertanggungjawab untuk menghantar sebarang peringatan atau notis kepada Peserta berkenaan sebarang Sumbangan atau sebarang amaun lain yang perlu dibayar. Bagi mengelakkan keraguan dan walaupun yang terkandung di dalam ini yang bertentangan, Sumbangan dan semua amaun lain yang perlu dibayar di bawah Sijil ini hendaklah dibuat atas nama **HONG LEONG MSIG TAKAFUL BERHAD** sahaja.*

This Certificate will be in full force and effect provided always that the Contribution and all other amounts payable under this Certificate are received by the Takaful Operator yearly in advance; however, in cases where the Participant chooses to pay the Contribution and other amounts payable under this Certificate on a monthly basis, and upon the occurrence of a claim giving rise to the termination of Certificate, any installment remaining unpaid which is necessary to complete the full Contribution and all other amounts payable under this Certificate for that Certificate Year shall be first deducted from the amount of the claim and only the balance or net amount of the Benefit, if any, will be paid.

Sijil ini akan berkuatkuasa sepenuhnya dengan syarat bahawa Sumbangan dan semua amaun lain yang perlu dibayar di bawah Sijil ini diterima oleh Pengendali Takaful secara tahunan lebih awal; walaubagaimanapun, dalam kes-kes di mana Peserta memilih untuk membayar Sumbangan dan amaun lain yang perlu dibayar di bawah Sijil ini pada setiap bulanan, dan apabila berlakunya tuntutan yang membawa kepada penamatan Sijil, sebarang ansuran yang masih belum dibayar yang mana perlu untuk melengkapkan Sumbangan penuh dan semua amaun lain yang perlu dibayar di bawah Sijil ini bagi Tahun Sijil hendaklah mula-mula sekali ditolak daripada jumlah tuntutan tersebut dan hanya baki atau jumlah bersih Manfaat, jika ada, akan dibayar.

For each Contribution received, the Takaful Operator shall deduct the Wakalah Fee at the percentages stated in Schedule of the Certificate.

Untuk setiap Sumbangan yang diterima, Pengendali Takaful akan menolak Yuran Wakalah mengikut peratusan seperti yang dinyatakan Jadual Sijil.

4. PARTICIPANTS' RISK FUND MANAGEMENT/ PENGURUSAN DANA RISIKO PESERTA

The Tabarru' deduction, based on Contribution payment mode, the amount of which may be varied from time to time, shall be deducted from the PRF based on the concept of Iltizam Bi Al-Tabarru' to provide for the Takaful coverage under this Certificate. Actual donation/Tabarru' is deemed to have occurred only upon

payment of claims and claims-related costs. The balance of commitment amount remaining in the Participants' Risk Fund, net of contingency reserves and other costs as approved by Shariah Committee, if any, will be considered as surplus. Subject to recommendation by the Takaful Operator's appointed actuary and Shariah Committee as well as the approval by the Takaful Operator's board of directors, such surplus will be shared between the Takaful Operator and the Participants in the ratio of 50:50.

Penolakan Tabarru', berdasarkan mod bayaran Sumbangan, jumlah yang akan berubah dari masa ke semasa, akan dipotong dari PRF yang relevan berdasarkan konsep Iltizam Bi Al-Tabarru' untuk menyediakan perlindungan Takaful di bawah Sijil ini. Sumbangan/Tabarru' sebenar akan hanya dianggap berlaku hanya selepas pembayaran tuntutan atau kos yang berkaitan dengan tuntutan. Baki dari jumlah komitmen yang masih terdapat di dalam Dana Risiko Peserta, selepas ditolak rizab kontingensi dan kos-kos lain yang diluluskan oleh Jawatankuasa Shariah, jika ada, akan dikira sebagai kelebihan, Tertakluk

kepada cadangan aktuari yang dilantik oleh Pengendali Takaful dan Jawatankuasa Shariah termasuk juga lembaga pengarah Pengendali Takaful, lebih tersebut akan dikongsi antara Pengendali Takaful dan Peserta dalam nisbah 50:50.

The Participant's share of surplus, if any, shall be credited into his/her account, while the Takaful Operator's share shall be transferred to the Takaful Operator's Fund. The Takaful Operator's entitlement to the surplus is on the basis of the Ju'alah principle.

Bahagian lebih Peserta, jika ada, akan dikreditkan ke dalam akaun, sementara bahagian Pengendali Takaful akan dipindahkan ke dalam akaunnya. Pengendali Takaful berhak ke atas lebih berdasarkan prinsip Ju'alah.

The Tabarru' is payable for the entire term of the coverage and shall cover death, TPD and other relevant Benefit under this Certificate. The shareholders of the Takaful Operator shall arrange, if necessary, Qardh (interest free loan), in the event that the PRF get into a deficit situation towards solvency of the PRF. The financing shall be repaid only on the original amount disbursed, from the future Surplus of the PRF, in a lump sum or on an instalment basis depending on the emerging future Surplus and the amount of the financing disbursed.

Tabarru' akan dibayar untuk sepanjang tempoh perlindungan dan akan meliputi kematian, TPD dan manfaat lain yang relevan di bawah Sijil ini. Pemegang saham Pengendali akan mengatur, jika perlu, Qardh (pinjaman tanpa faedah), sekiranya PRF mengalami defisit untuk solvensi PRF. Pembiayaan akan dibayar kembali hanya ke atas jumlah asal yang dikeluarkan, dari Lebih masa hadapan PRF, secara sekaligus atau secara ansuran, bergantung kepada Lebih masa hadapan yang akan muncul dan jumlah pembiayaan yang dikeluarkan.

Notwithstanding the above, in the event of maturity, termination, surrender of the Certificate or in the event of the occurrence of death or TPD of the Participant, the Participant shall relinquish his/her right of entitlement over any unutilised Contribution remaining in the PRF. Such remaining amount relinquished by the Participant shall be deemed as his/her ex-gratia gift towards the PRF.

Walau apa pun yang dinyatakan di atas, sekiranya berlaku kematangan, penamatan, serahan Sijil atau sekiranya berlaku kematian atau TPD terhadap Peserta, Peserta akan melepaskan hak kelayakan beliau ke atas sebarang Sumbangan yang Belum Digunakan yang masih berbaki dalam PRF. Jumlah yang masih berbaki yang dilepaskan oleh Peserta akan dianggap sebagai hadiah ex-gratia kepada PRF.

5. GOVERNING LAW/ PENENTU UNDANG-UNDANG

This Certificate and its attachments are governed by the Shariah and the laws of Malaysia. The Courts of Malaysia shall have exclusive jurisdiction in respect of any claims arising out of or in relation to this Certificate.

Sijil ini dan semua lampiran-lampiran dikawal oleh Shariah dan undang-undang Malaysia. Mahkamah-mahkamah Malaysia mempunyai bidang kuasa eksklusif terhadap sebarang tuntutan yang timbul atau berkaitan dengan Sijil ini.

6. GOVERNMENT TAXES AND/ OR STATUTORY/ REGULATORY IMPOSED CHARGES, FEES ETC/ CUKAI KERAJAAN DAN/ ATAU CAJ/YURAN BERKANUN/PERATURAN DAN LAIN - LAIN YANG DIKENAKAN

For the purpose of this Clause/ *Untuk tujuan Fasal ini:*

"Tax" means any present or future, direct or indirect, Malaysian or foreign tax, levy, impost, duty, charge, fee, deduction or withholding of any nature, that is or may be imposed by any Appropriate Authority from time to time, including, without limitation, any consumption tax and other taxes by whatever name called and any fines or penalties in respect thereof.

"Cukai" bermaksud sebarang bentuk cukai, levi, impos, duti, caj, yuran, pemotongan atau penahanan cukai Malaysia atau asing yang dikenakan pada masa kini atau masa depan, secara langsung atau tidak langsung, oleh mana-mana Pihak Berkuasa yang Berkenaan dari semasa ke semasa, termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang cukai penggunaan dan cukai lain atas apa jua nama, dan sebarang denda atau penalti berhubung dengannya.

4

"Appropriate Authority" means any government or taxing authority.

"Pihak Berkuasa yang Berkenaan" bermaksud mana-mana kerajaan atau pihak berkuasa yang memungut cukai.

The Contribution and all other monies to be paid by the Participant to the Takaful Operator under this Certificate, including any amount representing reimbursements to be paid by the Participant to the Takaful Operator is exclusive of any Tax, and shall be paid without any set-off, restriction or condition and without any deduction for or on account of any counterclaim or any deduction or withholding.

Sumbangan dan segala wang lain yang perlu dibayar oleh Peserta kepada Pengendali Takaful di bawah Sijil ini, termasuk sebarang jumlah yang merupakan pembayaran ganti yang perlu dibayar oleh Peserta kepada Pengendali Takaful ini adalah tidak termasuk mana-mana Cukai, dan hendaklah dibayar tanpa sebarang potongan, sekatan atau syarat dan tanpa sebarang potongan bagi atau atas sebab sebarang tuntutan balasan atau sebarang potongan atau pegangan.

In the event that the Participant is required by law to make any deduction or withholding from the Contribution and/or all other monies payable to the Takaful Operator under this Certificate in respect of any Tax or otherwise, the sum payable by the Participant in respect of which the deduction or withholding is required shall be increased so that the net Contribution and/or the net amount of monies received by the Takaful Operator is equal to that which the Takaful Operator would otherwise have received had no deduction or withholding been required or made.

Sekiranya Peserta dikehendaki oleh undang-undang untuk membuat sebarang potongan atau pegangan daripada Sumbangan dan / atau kesemua wang lain yang perlu dibayar kepada Pengendali Takaful di bawah Sijil ini berhubung dengan sebarang Cukai atau sebaliknya, jumlah wang yang perlu dibayar oleh Peserta berkenaan di mana pemotongan atau pegangan diperlukan, hendaklah dipertingkatkan supaya Sumbangan bersih dan/atau jumlah bersih wang yang diterima oleh Pengendali Takaful adalah sama dengan apa yang Pengendali Takaful akan terima jika tiada pemotongan atau pegangan dikehendaki atau dibuat.

The Participant shall in addition to the Contribution and all other monies payable, pay to the Takaful Operator all applicable Tax at the relevant prevailing rate and/or such amount as is determined by the Takaful Operator to cover any Tax payments/liabilities/obligations in connection therewith, without any set-off, restriction or condition and without any deduction for or on account of any counterclaim or any deduction or withholding, apart from any Taxes which may be required under any laws to be paid by the Participant directly to any Appropriate Authority, which the Participant shall remit directly to the Appropriate Authority.

Peserta hendaklah sebagai tambahan kepada Sumbangan dan kesemua wang lain yang perlu dibayar, membayar kepada Pengendali Takaful semua Cukai yang berkaitan pada kadar relevan semasa dan/atau sebarang jumlah sebagaimana yang ditentukan oleh Pengendali Takaful untuk menampung sebarang pembayaran Cukai / liabiliti / kewajipan yang berkaitan dengannya , tanpa sebarang potongan, sekatan atau syarat dan tanpa sebarang potongan bagi atau atas sebab sebarang tuntutan balasan atau sebarang potongan atau pegangan, selain daripada sebarang Cukai yang mungkin dikehendaki di bawah mana-mana undang-undang yang harus dibayar oleh Peserta secara langsung kepada mana-mana Pihak Berkuasa yang Berkenaan, yang mana Peserta hendaklah mengirimitkan secara langsung kepada Pihak Berkuasa yang Berkenaan.

If at any time an adjustment is made or required to be made between the Takaful Operator and the relevant taxing authority on account of any amount paid as Tax as a consequence of any supply made or deemed to be made or other matter in connection with this Certificate by the Takaful Operator, a corresponding adjustment may at the Takaful Operator's discretion be made as between the Takaful Operator and the Participant and in such event, any payment necessary to give effect to the adjustment shall be made.

Jika pada bila-bila masa sesuatu pelarasan dibuat atau perlu dibuat di antara Pengendali Takaful dan pihak berkuasa cukai yang relevan yang disebabkan oleh sebarang jumlah yang telah dibayar sebagai Cukai yang berbangkit daripada sebarang pembekalan yang dibuat atau disifatkan telah dibuat atau perkara lain yang berkaitan dengan Sijil ini dengan Pengendali Takaful, pelarasan yang sesuai boleh dibuat mengikut budi bicara Pengendali Takaful di antara Pengendali Takaful dan Peserta dan dalam keadaan itu, sebarang pembayaran yang diperlukan untuk memberi kesan kepada pelarasan hendaklah dibuat.

The Participant hereby agrees to do all things reasonably requested by the Takaful Operator to assist the Takaful Operator in complying with its obligations under any applicable legislation under which any Tax is imposed. In the event a new Tax is introduced and such Tax is required to be charged on the transaction contemplated in this Certificate, the Participant agrees to provide its fullest cooperation to the Takaful Operator in assisting the Takaful Operator in complying with its obligations under the relevant laws.

Peserta dengan ini bersetuju untuk melakukan semua perkara yang munasabah yang diminta oleh Pengendali Takaful untuk membantu Pengendali Takaful dalam memenuhi kewajibannya di bawah sebarang undang-undang yang terpakai di mana sebarang Cukai yang dikenakan. Sekiranya sesuatu Cukai baru diperkenalkan dan Cukai tersebut perlu dikenakan ke atas transaksi yang dimaksudkan dalam Sijil ini, Peserta bersetuju untuk memberikan kerjasama sepenuhnya kepada Pengendali Takaful dalam membantu Pengendali Takaful dalam memenuhi kewajibannya di bawah undang-undang yang berkaitan.

The Participant shall indemnify the Takaful Operator and shall hold the Takaful Operator harmless from any liability arising as a result of any breach of obligation on the part of the Participant to pay the Tax as set out herein, together with all loss, costs and expenses resulting from such breach. Nothing in this Certificate requires the Takaful Operator to pay any amount of fine, penalty or other amount for which the Participant is liable for.

Peserta hendaklah menanggung kerugian Pengendali Takaful dan hendaklah melindungi Pengendali Takaful daripada sebarang liabiliti yang timbul akibat sebarang pelanggaran kewajipan di pihak Peserta untuk membayar Cukai yang dinyatakan di dalam Sijil ini, bersama-sama dengan kesemua kerugian, kos dan perbelanjaan yang terhasil dari pelanggaran tersebut. Tiada apa-apa dalam Sijil ini yang memerlukan Pengendali Takaful untuk membayar sebarang denda, penalti atau jumlah lain yang mana Peserta bertanggungjawab ke atasnya.

For the avoidance of doubt, the parties agree that any sum payable or amount to be used in the calculation of a sum payable expressed elsewhere in this Certificate has been determined without regard to and does not include amounts to be added on under this clause on account of Tax.

Bagi mengelakkan keraguan, pihak-pihak dalam Sijil ini bersetuju bahawa sebarang jumlah yang perlu dibayar atau jumlah yang akan digunakan dalam pengiraan wang yang perlu dibayar yang dinyatakan di tempat lain dalam Sijil ini telah ditetapkan tanpa mengambil kira dan tidak termasuk jumlah yang harus ditambah pada bawah fasal ini disebabkan Cukai.

7. CURRENCY/ MATAWANG

All amounts payable either to or from PRF managed by the Takaful Operator will be payable in the lawful currency of Malaysia, "**RINGGIT MALAYSIA (RM)**".

*Semua amaun yang perlu dibayar samada kepada atau dari Dana Takaful yang diuruskan oleh Pengendali Takaful akan dibayar menggunakan matawang Malaysia yang sah, "**RINGGIT MALAYSIA (RM)**".*

8. CERTIFICATION, INFORMATION AND EVIDENCE / PENSIJILAN, MAKLUMAT DAN BUKTI

All certificates, information, medical reports and evidence as required by the Takaful Operator shall be furnished at the expense of the Participant, and in such a form that the Takaful Operator may require. In any event all notices which the Takaful Operator shall require the Participant to give must be in writing and addressed to the Takaful Operator. A Person Covered shall, at the Takaful Operator's request and the Participant's expense, submit to a medical examination whenever such is deemed necessary.

Semua sijil, maklumat, laporan perubatan dan bukti yang diperlukan oleh Pengendali Takaful hendaklah dikemukakan atas perbelanjaan Peserta, dan dalam bentuk seperti yang diperlukan oleh Pengendali Takaful. Dalam apa jua keadaan, semua notis yang perlu diberikan oleh Peserta seperti yang diperlukan

oleh Pengendali Takaful hendaklah diberikan secara bertulis dan dialamatkan kepada Pengendali Takaful. Orang Dilindungi hendaklah, atas permintaan dan perbelanjaan Pengendali Takaful, menjalani pemeriksaan perubatan apabila dianggap perlu.

9. NOTICE / NOTIS

Every notice or communication to the Takaful Operator shall be in writing and sent to the Takaful Operator. No alterations in the terms of this Certificate or any endorsement thereon, shall be held valid unless the same is signed or initialled by an authorised representative of the Takaful Operator.

Setiap notis atau komunikasi kepada Pengendali Takaful hendaklah dibuat secara bertulis dan dihantar kepada Pengendali Takaful. Perubahan kepada terma Sijil ini, atau sebarang pengendorsan kepadanya, tidak akan dianggap sah melainkan ditandatangani atau diparap oleh seorang wakil yang diberi kuasa oleh Pengendali Takaful.

10. OBSERVANCE OF CONDITIONS/ PEMATUHAN SYARAT-SYARAT

Participant shall observe and fulfill all the terms of this Certificate which may relate to anything to be done or not to be done by the Participant, precedent to any liability of the Participants' Risk Fund managed by the Takaful Operator to make any payment under this Certificate.

Peserta perlu mematuhi dan memenuhi semua syarat yang terkandung dalam Sijil ini yang berkaitan dengan sebarang perkara yang perlu atau tidak perlu dilakukan oleh Peserta, sebelum Pengendali Takaful bertanggungjawab untuk melaksanakan bayaran menggunakan Dana Risiko Peserta di bawah Sijil ini.

11. AMOUNT DUE TO THE TAKAFUL OPERATOR/ AMAUN YANG PERLU DIBAYAR KEPADA PENGENDALI TAKAFUL

The Takaful Operator before making any payments from PRF pursuant to this Certificate shall be entitled to deduct any charges or other amounts due to the Takaful Operator under this Certificate.

Sebelum melaksanakan sebarang bayaran daripada PRF menurut Sijil ini, Pengendali Takaful berhak untuk membuat pemotongan untuk sebarang caj atau amaun lain yang perlu dibayar kepada Pengendali Takaful di bawah Sijil ini.

12. LEGAL PROCEEDINGS/ PROSIDING UNDANG-UNDANG

No action at law or in equity shall be brought to recover on this Certificate prior to expiration sixty (60) days after written proof of loss has been furnished in accordance with the requirements of this Certificate, nor shall such action be brought at all unless brought within two (2) years from the expiration of the time within which proof of loss is required to be furnished under this Certificate. If the Participant shall fail to supply the requisite proof of loss as stipulated by the terms, provisions and conditions of the Certificate, the Participant may within a grace period of one calendar year from the time that the written proof of loss to be furnished, submit the relevant proof of loss to the Takaful Operator with cogent reason(s) for the failure to comply with the Certificate's terms, provisions and conditions. The acceptance of such proof of loss shall be at the sole and entire discretion of the Takaful Operator. After such grace period has expired, the Takaful Operator shall have no obligation to accept, for any reason whatsoever, such written proof of loss.

Tindakan undang-undang atau tindakan menuntut hak tidak boleh diambil untuk mendapatkan manfaat di bawah Sijil ini sebelum tamat tempoh enam puluh (60) hari selepas bukti bertulis mengenai kehilangan telah diberikan menurut keperluan Sijil ini, tidak juga tindakan sedemikian patut diambil sama sekali melainkan ianya diambil dalam tempoh dua (2) tahun dari tarikh tamat tempoh di mana bukti kerugian yang dikehendaki diberikan di bawah Sijil ini. Jika Peserta gagal memberikan bukti kehilangan yang diperlukan seperti yang ditetapkan oleh terma, peruntukan dan syarat Sijil ini, Peserta, dalam tempoh ihsan satu tahun kalendar dari tarikh bukti bertulis kehilangan tersebut perlu dikemukakan, boleh memberikan bukti kehilangan yang berkenaan kepada Pengendali Takaful dengan menyatakan sebab yang meyakinkan untuk menjelaskan kegagalannya mematuhi terma, peruntukan dan syarat Sijil ini. Penerimaan bukti kehilangan sedemikian adalah atas budi bicara mutlak dan penuh Pengendali Takaful. Selepas tempoh ihsan tersebut luput, Pengendali Takaful tidak akan menerima sebarang bukti bertulis tentang kehilangan atas apa jua sebab sekalipun.

13. MISSTATEMENT OF AGE/ SALAH NYATA UMUR

The age stated in the Certificate Schedule or any Endorsement is the age calculated in accordance with the date of birth stated in the proposal form for this Certificate.

Umur yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil atau Pengendorsan adalah umur yang dikira mengikut tarikh lahir yang dinyatakan di dalam borang cadangan bagi Sijil ini.

If at the time of any claim, the age of the Person Covered is found to have been misstated, then the Takaful Operator shall make adjustments based on the following/ *Jika ketika berlakunya tuntutan, umur Orang Dilindungi didapati disalahnyatakan, maka Pengendali Takaful akan melakukan pelarasan berdasarkan yang berikut:*

- (a) If the Contribution and Tabarru' amount based on the correct age of the Person Covered are higher than the contribution and Tabarru' amount that have been paid and deducted, the Takaful Operator shall reduce the Benefit payable and vary the surplus allocation under this Certificate by the differences between the actual Tabarru' amount paid and the Tabarru' amount which should have been paid for the Certificate;

Jika Sumbangan dan amaun Tabarru' berdasarkan kepada umur Orang Dilindungi yang betul adalah lebih tinggi daripada Sumbangan dan amaun Tabarru' yang telah dibayar dan ditolak, Pengendali Takaful akan mengurangkan manfaat yang perlu dibayar dan mengubah peruntukan lebihan di bawah Sijil ini mengikut perbezaan antara amaun Tabarru' sebenar yang telah dibayar dan amaun Tabarru' yang sepatutnya dibayar untuk Sijil ini;

- (b) If the Contribution and Tabarru' amount based on the correct age of the Person Covered are lower than the Contribution and Tabarru' amount that have been paid and deducted, the differences in the Contribution and Tabarru' amount will be refunded and credited to the account of Participant.

Jika Sumbangan dan amaun Tabarru' berdasarkan kepada umur Orang Dilindungi yang betul adalah lebih rendah daripada Sumbangan dan amaun Tabarru' yang telah dibayar dan ditolak, maka perbezaan antara Sumbangan dan amaun Tabarru' akan dipulangkan dan dikreditkan ke dalam akaun Peserta.

Where the coverage term of this Certificate is calculated by reference to the age of the Person Covered, and such age is not the true age of the Person Covered, the Takaful Operator may instead of, or in addition to, effecting subparagraph (a) or (b) above as the case may be, vary this Certificate by changing its coverage term to the term that would have been the coverage term if this Certificate had been based on the true age of the Person Covered.

Jika tempoh perlindungan Sijil ini dikira berdasarkan umur Orang Dilindungi, dan umur tersebut bukanlah umur sebenar Orang Dilindungi, Pengendali Takaful boleh sebagai ganti, atau sebagai tambahan kepada, melaksanakan perenggan kecil (a) dan (b) di atas mengikut mana-mana yang berkenaan, mengubah Sijil ini dengan menukar tempoh perlindungan kepada tempoh yang sepatutnya menjadi tempoh perlindungan sekiranya Sijil ini dikira berdasarkan umur sebenar Orang Dilindungi.

If the Person Covered was not eligible to be covered by this Certificate because of his true age, the Takaful Operator will avoid the Certificate and refund to the Participant any charges less any expenses which may have been incurred by the Takaful Operator for any medical examination of the Person Covered.

Jika Orang Dilindungi tidak layak untuk dilindungi oleh Sijil ini kerana usia yang sebenarnya, Pengendali Takaful akan mengelak dari mengeluarkan Sijil dan membuat bayaran balik kepada Peserta sebarang caj ditolak sebarang perbelanjaan yang mungkin telah dilakukan oleh Pengendali Takaful bagi sebarang pemeriksaan perubatan Orang Dilindungi.

If the Takaful Operator has not previously verified or confirmed the age of the Person Covered to be correct, the Takaful Operator has the right to require proof of the age of the Person Covered before making any payment under this Certificate.

Jika Pengendali Takaful sebelumnya belum mengesahkan atau menentusahkan usia Orang Dilindungi sebagai betul, Pengendali Takaful mempunyai hak untuk meminta bukti usia Orang Dilindungi sebelum membuat sebarang pembayaran di bawah Sijil ini.

14. MISSTATEMENT OF GENDER/ SALAH NYATA JANTINA

The gender of the Person Covered as stated in the Certificate Schedule or any Endorsement is believed to be the true gender of the Person Covered.

Jantina Orang Dilindungi seperti yang dinyatakan di dalam Jadual Sijil atau Endosmen diyakini menjadi jantina sebenar Orang Dilindungi.

If the gender of the Person Covered has been misstated, any Benefit payable under this Certificate will be adjusted to such as would have been payable if the true gender had been stated.

Jika jantina Orang Dilindungi telah tersalah nyata, mana-mana Manfaat dibayar di bawah Sijil ini akan disesuaikan seperti yang perlu dibayar jika jantina sebenar telah dinyatakan.

15. RESIDENCE, TRAVEL AND OCCUPATION/ PEMASTAUTIN, PERJALANAN DAN PEKERJAAN

This Certificate contains no restrictions upon the Participant in respect of residence, occupation or travel.

Sijil ini akan dikecualikan dari sebarang sekatan berkenaan pemastautin, pekerjaan atau perjalanan.

16. INCONTESTABILITY/ KETIDAKBOLEHPERTIKAIAN

The validity of this Certificate shall not be contested after it has been in force for two (2) years from its Commencement Date except for non-payment of Contribution or on the ground stated in Clause 2.2, 2.3, 13 and 14 herein.

Keesahan Sijil ini tidak boleh dipersoalkan selepas ia telah berkuat kuasa selama dua (2) tahun dari Tarikh Permulaan kecuali disebabkan Sumbangan tidak dibayar atau atas alasan di dalam Klausula 2.2, 2.3, 13 dan 14 dalam Sijil ini.

In the event that the Takaful Operator avoids this Certificate due to Deliberate or Reckless Misrepresentation (as defined in Clause 2.2 herein) or a statement on a material matter or material fact being fraudulently made or omitted to be made or suppressed which is material to the acceptance of risk under this Certificate, then Clause 2.2 will be applicable.

Sekiranya Pengendali Takaful mengelakkan Sijil ini kerana Salah Nyata yang Sengaja atau Melulu (seperti yang ditakrifkan dalam Klausula 2.2) atau kenyataan pada perkara penting atau fakta penting telah secara palsu dibuat atau lalai daripada dibuat atau disembunyikan yang mana ianya penting kepada penerimaan risiko di bawah Sijil ini, maka Klausula 2.2 akan digunapakai.

17. FREE-LOOK PERIOD/ TEMPOH BERTENANG

You may cancel the Certificate in writing for whatever reasons, by returning the Certificate to Us directly by hand, by registered post or electronically, within fifteen (15) days from the date of delivery of the Certificate. If the Certificate is sent by post, it shall be deemed to have been delivered on the date it has been posted. If the Certificate is sent by personal delivery or courier, it shall be deemed to have been delivered on the date it has been personally delivered or couriered. For avoidance of doubt, the Certificate is deemed to have been properly delivered when the same is sent to the last known address of the Participant as per the Takaful Operator's record. No change of address howsoever brought about shall be effective or binding on either party unless the Participant has given to the Takaful Operator actual notice of the change of address and nothing done in reliance on this Clause shall be affected or prejudiced by any subsequent change in address over which the Takaful Operator has no actual knowledge of at the time the act or thing was done or carried out.

Sijil ini boleh dibatalkan oleh Peserta secara bertulis dengan mengembalikan dokumen Sijil kepada Pengendali Takaful, dalam masa lima belas (15) hari dari tarikh penerimaan dokumen Sijil. Sekiranya dokumen Sijil dipulangkan melalui pos, ia akan dianggap sebagai telah diterima oleh Pengendali Takaful pada tarikh ia diposkan. Jika Sijil ini dihantar melalui penghantaran peribadi atau kiriman kurier, ia akan dianggap telah dihantar pada tarikh ia telah diserahkan secara peribadi atau

serahan tangan atau dihantar melalui kurier. Untuk mengelakkan keraguan, Sijil dianggap telah dihantar dengan betul apabila ia dihantar ke alamat yang terakhir Peserta seperti dalam rekod Pengendali Takaful. Tiada pertukaran alamat walau apa jua pun tidak akan berkesan atau mengikat mana-mana pihak kecuali Peserta telah memberikan notis sebenar kepada Pengendali Takaful untuk pertukaran alamat dan tiada apa yang dilakukan dengan bergantung pada Klausula ini akan terjejas atau menjejaskan mana-mana perubahan yang kemudiannya alamat di mana Pengendali Takaful tidak mempunyai pengetahuan sebenar tentang pertukaran alamat Peserta pada masa perbuatan atau benda itu dilakukan atau dijalankan.

If the Certificate is cancelled, the Takaful Operator shall refund the Contributions that have been paid.
Sekiranya Sijil dibatalkan, Pengendali Takaful akan memulangkan Sumbangan yang telah dibayar.

18. SUICIDE/ BUNUH DIRI

In the event of death of the Person Covered by committing suicide within twelve (12) month from Commencement Date, regardless of the mental disposition during the commission of suicide, no Benefit shall be paid.

Jika Orang Dilindungi meninggal dunia akibat bunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan dari Tarikh Permulaan, tanpa mengira kecenderungan akal semasa membunuh diri, tiada Manfaat akan dibayar melainkan nilai penyerahan, sekiranya ada.

19. OWNERSHIP/ PEMILIKAN

The owner of this Certificate is the Participant. During the lifetime of the Person Covered and while this Certificate is still in-force, only the Participant may exercise any of the rights, privileges and options available under this Certificate without prejudice to the rights of any assignee (pursuant to an assignment as stated in Clause 20 herein of which the Takaful Operator have had notice) or the vested profits of any nominee(s). Participant may elect to transfer the ownership of this Certificate by filing written notice satisfactory to the Takaful Operator. The change of ownership shall become effective only if endorsed on this Certificate and effective from the date the written notice of change is signed regardless of whether the Person Covered is living at the time of the endorsement.

Pemilik Sijil ini adalah Peserta. Semasa hayat Orang Dilindungi dan selagi Sijil ini masih berkuatkuasa, hanya Peserta boleh melaksanakan hak-hak, keistimewaan dan pilihan yang terdapat di bawah Sijil ini tanpa prasangka kepada hak-hak Pemegang Serah Hak (menurut penyerahan hak yang tertera di dalam Klausula 20 di dalam sijil ini yang mana Pengendali Takaful mengetahui mengenainya) atau hak-hak Penama. Peserta boleh memilih untuk memindahkan hak milik Sijil ini dengan memfailkan notis bertulis yang memuaskan kepada Pengendali Takaful. Penukaran hak milik hanya berkesan jika diendoskan ke atas Sijil ini dari tarikh notis pertukaran bertulis ditandatangani tanpa mengira sama ada Orang Dilindungi masih hidup atau tidak pada masa pengendorsan.

20. NOMINATION AND ASSIGNMENT/ PENAMAAN DAN PENYERAHAN HAK

20.1 Where the Participant is also the Person Covered, the Participant may nominate an individual to be the recipient of the Benefit payable upon the Participant's death under this Certificate, either as an executor (*Wasi*), or as a beneficiary by way of Conditional Hibah by notifying the Takaful Operator in writing giving particulars of the name, date of the birth, national registration identity card number or birth certificate number and the address of the nominee. Such nomination may be in favour of one (1) person or several persons. Such nomination shall be witnessed by a person of sound mind who has attained the age of eighteen (18) years and who is not a nominee named therein.

Sekiranya Peserta juga merupakan Orang Dilindungi, Peserta boleh menamakan seorang individu untuk menerima manfaat Takaful yang perlu dibayar apabila Peserta meninggal dunia di bawah Sijil, sama ada sebagai Wasi, atau sebagai waris di bawah Hibah Bersyarat dengan memberikan maklumat nama, tarikh lahir, nombor kad pengenalan atau nombor sijil lahir dan alamat penama kepada Pengendali Takaful. Penamaan tersebut boleh dibuat atas nama seorang (1) atau beberapa orang. Penamaan

tersebut hendaklah disaksikan oleh orang yang mempunyai minda yang waras yang telah mencapai usia lapan belas (18) tahun dan yang bukan penama yang dipilih di dalam ini.

20.2 The nominee named as an Wasi (executor) shall distribute the Benefit in accordance to the/*Penama yang dipilih sebagai Wasi hendaklah mengagihkan manfaat Takaful menurut:*

- (a) Islamic law of inheritance (*Faraidh*) for Muslim Participants; or
Undang-undang Faraid Islam bagi Peserta-peserta beragama Islam; atau
- (b) in accordance to the Will of the Participant or if no Will was made, the Distribution Act 1958 for non Muslim Participants, whichever is applicable.
menurut Wasiat Peserta atau jika tiada Wasiat dibuat, menerusi Akta Pembahagian 1958, bagi Peserta-peserta Bukan beragama Islam, mana-mana yang berkenaan.

20.3

- (a) Where there is more than one (1) nominee nominated by the Participant as beneficiary by way of Conditional Hibah, the Participant may direct that each nominee be paid a specified percentage of the Benefit which shall be stated in the Nomination Form. In the absence of such direction by the Participant, the Takaful Operator shall pay the nominees in equal shares.
Sekiranya terdapat lebih daripada seorang (1) penama yang dicalonkan oleh Peserta sebagai waris (Hibah Bersyarat), Peserta boleh mengarahkan bahawa setiap penama dibayar peratus tertentu manfaat Takaful yang akan dinyatakan pada Borang Penamaan. Sekiranya tiada arahan oleh Peserta tersebut, Pengendali Takaful hendaklah membayar penama dalam jumlah bahagian yang sama.
- (b) It is to be noted that the Benefit transferred by way of Conditional Hibah shall not form part of the estate of the deceased Participant or be subject to his debts.
Perlu diberi perhatian bahawa manfaat Takaful yang dipindahkan di bawah Hibah Bersyarat tidak akan membentuk sebahagian daripada harta pusaka Peserta atau tertakluk kepada hutang.
- (c) Where there is more than one (1) nominee and any particular nominee who is nominated as a beneficiary under a Conditional Hibah predeceases the Participant, the Takaful Operator shall pay the share of the deceased nominee, upon the death of the Participant, to the estate of the deceased Participant unless the Participant had made a subsequent nomination in place of the deceased nominee.
Sekiranya terdapat lebih daripada seorang (1) penama dan mana-mana satu penama yang dinamakan sebagai waris di bawah Hibah Bersyarat ini meninggal dunia lebih awal daripada Peserta, Pengendali Takaful hendaklah membayar bahagian penama yang meninggal dunia, apabila Peserta meninggal dunia, kepada harta pusaka Peserta yang meninggal dunia melainkan Peserta telah membuat penamaan seterusnya untuk menggantikan penama yang telah meninggal dunia.

20.4

- (a) The nomination shall be revoked/*Penamaan hendaklah dibatalkan:-*
 - (i) upon the death of the nominee, or if there is more than one (1) nominee, upon the death of all the nominees, during the Participant's lifetime; or
apabila penama meninggal dunia, atau jika terdapat lebih daripada seorang (1) penama, apabila semua penama meninggal dunia, dalam tempoh hayat Peserta; atau
 - (ii) by a notice in writing given by the Participant to the Takaful Operator; or
menerusi notis secara bertulis yang diberikan oleh Peserta kepada Pengendali Takaful; atau
 - (iii) by any subsequent nomination made by the Participant.
oleh sebarang penamaan selanjutnya yang dibuat oleh Peserta .

(b) Subject to sub-paragraph 20.4(a) above, it is to be noted that a nomination shall not be revoked by way of a Will or by any other act, event or means.
Tertakluk kepada sub-perenggan 20.4(a) di atas, perlu dinyatakan bahawa penamaan tidak boleh dibatalkan menerusi Wasiat atau sebarang tindakan, peristiwa atau kaedah lain.

(c) If the Participant has appointed a Trustee for the Certificate, the consent of the Trustee is required before the Participant revokes or changes a nomination under this Certificate. The rights of any assignee under an Assignment or encumbrance on or attached to this Certificate shall have a priority over the interest or claim of the nominee.
Jika Peserta telah melantik Pemegang Amanah untuk Sijil, kebenaran Pemegang Amanah diperlukan sebelum Peserta membatalkan atau membuat penamaan di bawah Sijil ini. Hak mana-mana penerima serah hak di bawah Penyerahan Hak atau bebanan yang dilampirkan kepada Sijil ini hendaklah mempunyai keutamaan berbanding kepentingan atau tuntutan penama.

20.5 The Participant may, during the lifetime of the Person Covered, assign this Certificate by filing written satisfactory notice to the Takaful Operator. The Takaful Operator does not and will not assume any responsibility for the validity or sufficiency of any assignment, charge or other dealings by the Participant in respect of the Certificate.

Peserta boleh, dalam tempoh hayat Orang Dilindungi, menyerahkan Sijil dengan memfailkan penyerahan tersebut secara notis bertulis yang memuaskan kepada Pengendali Takaful. Pengendali Takaful tidak dan tidak akan bertanggungjawab terhadap kesahihan atau kecukupan sebarang penyerahan hak, gadaian atau urusan lain oleh Peserta berhubung dengan Sijil.

20.6 Where a nominee fails to claim the Benefit within twelve (12) months of the Takaful Operator becoming aware of the death of the Person Covered despite notification being given:

Sekiranya penama gagal menuntut Manfaat dalam masa dua belas (12) bulan selepas Pengendali Takaful sedar tentang kematian Orang Dilindungi walaupun selepas notis diberikan:

(a) in the case of a nominee who is nominated as an executor (*Wasi*), the Takaful Operator shall deal with the Benefit as though no nomination was made provided that there have been pledged as security or assigned to a person, the claim of the person entitled under the security or the assignee shall have priority over the claim of the nominee; or

dalam kes penama yang dicalonkan sebagai Wasi, Pengendali Takaful akan menguruskan Manfaat seolah-olah tiada penamaan telah dibuat dengan syarat bahawa ianya telah disandarkan sebagai cagaran atau diserahkan kepada seseorang, tuntutan orang yang berhak di bawah cagaran atau pemegang serah hak itu hendaklah mendapat keutamaan ke atas tuntutan penama; atau

(b) in the case of a nominee who is nominated as a beneficiary under Conditional Hibah, the Benefit payable to such nominee shall be lodged with the Registrar of Unclaimed Moneys in accordance with the provisions of the Unclaimed Moneys Act 1965.

dalam kes penama yang dicalonkan sebagai waris di bawah Hibah Bersyarat, Manfaat yang perlu dibayar kepada penama tersebut hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar Wang Tidak Dituntut menurut peruntukan Akta Wang Tidak Dituntut 1965.

20.7 Where a nominee dies after the death of the Participant but before any Benefit have been paid to him as nominee, the Takaful Operator shall pay the Benefit to:

Sekiranya penama meninggal dunia selepas kematian Peserta, tetapi sebelum sebarang Manfaat telah dibayar kepadanya sebagai penama, Pengendali Takaful akan membayar Manfaat kepada:

(a) the estate of the deceased Participant if the nominee is an executor (*Wasi*); or
harta pusaka Peserta, jika penama ialah seorang Wasi; atau

(b) the estate of the deceased nominee if the nominee is a beneficiary under Conditional *Hibah*.
harta pusaka penama yang meninggal dunia jika penama ialah waris di bawah Hibah Bersyarat.

- 20.8 Once the Takaful Operator pays the Benefit to the nominee(s) named in the Certificate, whether the nominee receives the Benefit as an executor (*Wasi*) or as a beneficiary under Conditional Hibah, the Takaful Operator shall be discharged from liability for payments of Benefit payable under the Certificate.
Apabila Pengendali Takaful membayar Manfaat kepada Penama yang dinamakan dalam Sijil, sama ada penama menerima Manfaat sebagai Wasi atau sebagai waris di bawah Hibah Bersyarat, Pengendali Takaful dilepaskan daripada liabiliti untuk pembayaran Manfaat yang perlu dibayar di bawah Sijil.
- 20.9 The Takaful Operator shall not in any circumstances be bound or concerned to ensure the application of any Benefit which it has paid in respect of any person.
Dalam apa jua keadaan sekalipun, Pengendali Takaful tidak akan tertakluk atau terlibat untuk memastikan pelaksanaan sebarang Manfaat yang telah dibayar bagi mana-mana pihak.

21. SHARING OF SURPLUS ARISING FROM PARTICIPANTS' RISK FUND/ PERKONGSIAN LEBIHAN HASIL DARIPADA DANA RISIKO PESERTA

The Certificate shall participate in the surplus distribution of the Participants' Risk Fund managed by the Takaful Operator, if any, in the ratio of 50:50 between the Takaful Operator and the Participant. The Takaful Operator's entitlement to the surplus is on the basis of Ju'alah principle. The Participant's share shall be credited to his/her personal banking account, while the Takaful Operator's share shall be transferred to the Takaful Operator's account. The surplus distribution will be made after every financial year end of the Takaful Operator. For the avoidance of doubt, surplus distribution shall mean such amount of surplus as approved by the Board of Directors of the Takaful Operator for distribution to the Participant and Takaful Operator.

Sijil ini akan menyertai dalam pengagihan lebihan Dana Risiko Peserta yang diuruskan oleh Pengendali Takaful, jika ada, dengan nisbah 50:50 antara Pengendali Takaful dan Peserta. Kelayakan Pengendali Takaful terhadap lebihan adalah berdasarkan prinsip Ju'alah. Bahagian Peserta akan dikreditkan ke dalam akaunnya, manakala bahagian Pengendali Takaful akan dipindahkan ke akaun Pengendali Takaful. Pengagihan lebihan akan dilakukan selepas setiap akhir tahun kewangan Pengendali Takaful. Bagi mengelakkan keraguan, agihan lebihan hendaklah bermaksud apa-apa amaun lebihan seperti yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah Pengendali Takaful untuk diagihkan kepada Peserta dan Pengendali Takaful.

22. TERMINATION/ PENAMATAN

The Certificate shall terminate immediately/ *Sijil ini akan ditamatkan dengan segera:*

- (a) upon the Expiry Date; or
pada Tarikh Akhir; atau
- (b) upon the death of the Person Covered; or
apabila Orang Dilindungi meninggal dunia; atau
- (c) if the Certificate is terminated in accordance with the provisions contained in this Certificate; or
apabila Sijil ini ditamatkan berdasarkan peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Sijil ini; atau
- (d) upon surrender of the Certificate as stated in Clause 24 of Section A; or
apabila Sijil ini penyerahan seperti yang terkandung dalam Klausula 24 Bahagian A; yang mana terdahulu; atau
- (e) upon full settlement of the Benefit under this Certificate in accordance to the Clause 1 of Section B and Clause 1 of Section C.
apabila Manfaat penuh di bawah Sijil ini telah dibayar mengikut Klausula 1 Bahagian B dan Klausula 1 Bahagian C.

whichever happens first.
yang mana terdahulu.

If Certificate is terminated, subject to sub-clause 22(c) above, Participant will receive the share of the surplus, if any. The termination shall not affect any claim that has occurred before the termination date.
Sekiranya Sijil ini ditamatkan, tertakluk kepada sub-klausa 22(c) di atas, Peserta akan menerima bahagian dalam lebihan, jika ada. Penamatan Sijil tidak akan menjejaskan sebarang tuntutan yang telah berlaku sebelum tarikh penamatan.

23. SETTLEMENT OF CERTIFICATE BENEFIT / PEMBAYARAN MANFAAT SIJIL

Before any Benefit are paid out under this Certificate, the following evidence is required by the Takaful Operator:

Sebelum sebarang Manfaat dibayar di bawah Sijil ini, bukti-bukti berikut diperlukan oleh Pengendali Takaful:

- (a) the Certificate;
Sijil;
- (b) all completed relevant form(s) supplied by the Takaful Operator;
borang-borang relevan yang telah diberikan oleh Pengendali Takaful dan telah diisi dengan lengkap;
- (c) proof of title of the Proper Claimant(s);
bukti status Penuntut yang Sesuai;
- (d) proof of the happening of the Takaful event provided for in this Certificate; and
bukti berlakunya peristiwa yang dilindungi di bawah Sijil ini; dan
- (e) proof of the Age of the Person Covered.
bukti Umur Orang Dilindungi.

The production of the above evidence to the reasonable satisfaction of the Takaful Operator is to be procured at the sole expense of the Participant or the claimant(s).

Sebarang perbelanjaan semasa mengemukakan bukti-bukti di atas kepada Pengendali Takaful adalah ditanggung oleh Peserta atau orang yang membuat tuntutan.

Payment of Benefit under this Certificate is to be made to the Participant, the personal representative(s), Nominee(s) or lawful Assignee(s), as the case may be. This Certificate will terminate upon the full settlement by the Takaful Operator of all Benefit payable pursuant to this Certificate.

Bayaran Manfaat di bawah Sijil ini akan dibuat kepada Peserta, wakil peribadi, Penama-penama atau Pemegang Serah Hak yang sah, mengikut mana yang berkenaan. Sijil ini akan tamat selepas pembayaran penuh Manfaat oleh Pengendali Takaful menurut Sijil ini.

24. SURRENDER / PENYERAHAN

Participant can surrender the Certificate at any time by given a written notice to the Takaful Operator. Upon surrender of this Certificate, the coverage shall continues until the next Contribution Due Date and no Benefit shall be payable afterwards.

Peserta boleh menyerahkan Sijil ini pada bila-bila masa dengan memberikan notis bertulis kepada Pengendali Takaful. Apabila Sijil diserahkan, perlindungan diteruskan sehingga Tarikh Sumbangan Perlu Dibayar akan datang dan tiada Manfaat yang akan dibayar selepas itu.

Upon surrender, the Participant will also receive the share of the Surplus, if any.

Semasa penyerahan, Peserta juga akan menerima bahagian Lebihan, jika ada.

25. FIRST CONTRIBUTION / SUMBANGAN PERTAMA

The first Contribution shall be deemed to have been received on the Certificate Issue Date as stated in the Schedule. The Takaful Operator reserves the right not to allocate any portion of the Contribution until the expiration of the free-look period as described in Clause 17 of this Certificate. Thereafter, the first Contribution will be allocated in PRF after deducting Wakalah Fees.

Sumbangan pertama hendaklah dianggap sebagai diterima pada Tarikh Pengeluaran Sijil seperti yang dinyatakan dalam Jadual. Pengendali Takaful berhak untuk tidak memperuntukkan mana-mana bahagian Sumbangan Pertama sehingga tamatnya Tempoh Penilaian Percuma seperti yang dinyatakan dalam Klausula 17. Sumbangan pertama seterusnya akan diperuntukkan dalam PRF selepas ditolak Yuran Wakalah.

26. UPON NON-PAYMENT OF CONTRIBUTION/ APABILA TIADA PEMBAYARAN SUMBANGAN

If at the expiration of the Grace Period and the payment of any Contribution is in default, or any amount payable under this Certificate is not paid by the relevant due date in accordance with this Certificate, the Certificate shall lapse and no Benefit shall be paid.

Apabila Tempoh Ehsan telah tamat dan bayaran sebarang Sumbangan gagal dibayar, atau sebarang amaun yang sepatutnya dibayar di bawah Sijil ini tidak dibayar pada tarikh yang relevan mengikut Sijil ini, Sijil ini akan luput dan tiada Manfaat akan dibayar.

27. GRACE PERIOD/ TEMPOH EHSAN

Thirty (30) days of Grace Period from the subsequent Contribution Due Date are allowed for the payment of a subsequent Contribution and in case the Person Covered shall die within this period before the subsequent Contribution is paid, the Certificate shall be as valid and effectual as if the subsequent Contribution had been paid and the payment of Benefit shall be adjusted accordingly for the outstanding Contribution.

Tempoh Ehsan selama tiga puluh (30) hari daripada Tarikh Sumbangan Perlu Dibayar berikutnya adalah dibenarkan bagi membuat pembayaran Sumbangan berikutnya dan sekiranya Orang Dilindungi meninggal dunia dalam tempoh ini sebelum Sumbangan berikutnya dibayar, Sijil ini dianggap masih sah dan berkuatkuasa seolah-olah Sumbangan berikutnya telah dibayar dan pembayaran Manfaat akan diselaraskan dengan sewajarnya untuk Sumbangan tertunggak.

28. REINSTATEMENT/ PENGUATKUASAAN SEMULA

The Participant may apply to reinstate this Certificate, within one (1) year from the date this Certificate lapsed, provided he/she has not surrendered this Certificate.

Peserta boleh memohon untuk mengembalikan semula Sijil ini, dalam tempoh satu (1) tahun dari tarikh Sijil ini luput, dengan syarat dia belum menyerahkan Sijil ini.

The reinstatement of this Certificate is subject to the Takaful Operator's underwriting rules, the Participant providing the Takaful Operator with such other evidence as the Takaful Operator may require and the payment of Contribution prescribed by the Takaful Operator. It shall be the Takaful Operator's absolute discretion whether or not to reinstate this Certificate.

Pengembalian semula Sijil ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat pengunderaitan Pengendali Takaful, Peserta memberikan Pengendali Takaful bukti-bukti lain seperti yang Pengendali Takaful perlukan dan pembayaran Sumbangan yang ditentukan oleh Pengendali Takaful. Adalah menjadi budi bicara mutlak Pengendali Takaful samada untuk atau tidak mengembalikan semula Sijil ini.

If more than one (1) year has passed since this Certificate lapsed, the Takaful Operator will not consider reinstating this Certificate.

Jika sudah lebih satu (1) tahun telah berlalu sejak Sijil ini luput, Pengendali Takaful tidak akan mempertimbangkan untuk mengembalikan Sijil ini.

If after the reinstatement of this Certificate, any statements, documents, information in relation to this Certificate are found to have been Deliberately/Recklessly Misrepresented (as defined in Clause 2.2 of this

Certificate) or Carelessly/Innocently Misrepresented (as defined in Clause 2.3 of this Certificate) to the Takaful Operator, then Clause 2.2 of this Certificate and Clause 2.3 of this Certificate will be applicable.

Jika selepas pengembalian semula Sijil ini, sebarang kenyataan, dokumen, maklumat berkaitan Sijil ini didapati telah disalahnyatakan secara Sengaja/Melulu (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 2.2 Sijil ini) atau Disalahnyatakan secara Cuai/Ikhlas (seperti yang ditakrifkan dalam Klausa 2.3 Sijil ini) kepada Pengendali Takaful, maka Klausa 2.2 Sijil ini dan Klausa 2.3 Sijil ini akan digunapakai.

For the purposes of this Clause, all references to the words "issue", "issued", "Commencement Date" and "from the very beginning" in Clause 2.2 and 2.3 of this Certificate shall be replaced with "reinstate", "reinstated", "Reinstatement Date" and "from reinstatement" respectively.

Bagi tujuan Klausa ini, semua rujukan kepada perkataan "mengeluarkan", "dikeluarkan", "Tarikh Permulaan", "permulaan" dan " dari permulaan" dalam Klausa 2.2 dan 2.3 Sijil ini perlu diganti dengan "mengembalikan semula", "dikembalikan semula", "Tarikh Pengembalian Semula", "Pengembalian Semula" dan " dari pengembalian semula" masing-masing.

29. PERMISSIBLE TAKAFUL INTEREST / KEPENTINGAN BOLEH LINDUNG TAKAFUL

The Participant, if other than the Person Covered, shall have a permissible Takaful interest in the Person Covered at the time this Certificate is enforced and at the time the Benefit are payable.

Peserta, jika lain daripada Orang Dilindungi, hendaklah mempunyai kepentingan boleh lindung Takaful terhadap Orang Dilindungi pada masa Sijil ini dikuatkuasakan dan semasa Manfaat dibayar.

The Participant shall be deemed to have a permissible Takaful interest in the Person Covered if the Person Covered is his employee.

Peserta akan dianggap mempunyai kepentingan boleh lindung Takaful terhadap Orang Dilindungi sekiranya Orang Dilindungi adalah pekerjanya.

When the Participant enters into this Certificate on a Person Covered, the Participant shall obtain prior written consent of that person, unless he/she is a minor. The Person Covered has the right to revoke his/her consent by informing the Takaful Operator in writing at any time after this Certificate has been issued. When the consent is revoked, the Participant no longer has permissible Takaful interest on that Person Covered/ *Apabila Peserta memasuki ke dalam Sijil ini untuk Orang Dilindungi, Peserta hendaklah mendapatkan kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Orang Dilindungi tersebut, melainkan jika Orang Dilindungi tersebut adalah seorang yang belum. Orang Dilindungi mempunyai hak untuk membatalkan persetujuannya dengan memaklumkan kepada Pengendali Takaful secara bertulis pada bila-bila masa selepas Sijil ini telah dikeluarkan. Apabila kebenaran itu dibatalkan, Peserta tidak lagi mempunyai kepentingan boleh lindung Takaful terhadap Orang Dilindungi tersebut. Dewasa.*

At any time after this Certificate is entered, should the Takaful Operator become aware that the Participant no longer has permissible Takaful interest in the Person Covered, where there is no claim made or there is a claim made or on the maturity of this Certificate as the case may be, the Takaful Operator shall/ *Pada bila-bila masa selepas Sijil ini dimasuki, Pengendali Takaful menyedari yang Peserta tidak lagi mempunyai kepentingan boleh lindung Takaful atas Orang Dilindungi tersebut, jika tiada tuntutan dibuat atau terdapat suatu tuntutan dibuat atau pada kematangan Sijil ini mengikut mana-mana yang berkenaan, Pengendali Takaful akan:*

- (a) Pay to the Participant such moneys payable under this Certificate as may be specified by Bank Negara Malaysia; and/ *Membayar kepada Peserta sebarang wang yang perlu dibayar di bawah Sijil Takaful ini sebagaimana yang ditetapkan oleh Bank Negara Malaysia; dan*
- (b) Upon such payment, this Certificate shall be deemed to be terminated./ *Apabila bayaran sedemikian dibuat, Sijil Takaful ini akan dianggap sebagai telah ditamatkan.*

30. CHANGE IN RATES, CHARGES AND FEES / PERUBAHAN KADAR, CAJ DAN YURAN

Takaful Operator may revise the Tabarru' rates, Contribution rates and any fee/charge payable or, impose any new fee/charge, such as, surrender or withdrawal fee, at any time, provided Takaful Operator gives the Participant at least ninety (90) days' notice in writing. Revisions shall take effect at the next Certificate Anniversary Date after the ninety (90) days' notice period.

Pengendali Takaful boleh menyemak semula kadar Tabarru', kadar Sumbangan dan sebarang yuran/caj yang perlu dibayar atau, mengenakan sebarang yuran/caj baru, seperti, yuran serahan atau pengeluaran, pada bila-bila masa, dengan syarat Pengendali Takaful memberikan notis sembilan puluh (90) hari kepada Peserta secara bertulis. Penyemakan semula akan berkuat kuasa pada Tarikh Ulang Tahun Sijil yang seterusnya selepas tempoh notis sembilan puluh (90) hari.

31. INCOMPLETE CLAIMS/ TUNTUTAN TIDAK LENGKAP

All claims must be submitted to the Takaful Operator within ninety (90) days of completion of the events for which the claim is being made. Claims are not deemed complete and Benefit under this Certificate are not payable unless all bills for such claims have been submitted and agreed upon by the Takaful Operator. Only actual costs incurred shall be considered for reimbursement. Any variation or waiver of the foregoing shall be at the Takaful Operator's sole discretion.

Semua tuntutan mesti dikemukakan kepada Pengendali Takaful dalam masa sembilan puluh (90) hari berikutan kejadian yang membabitkan tuntutan. Tuntutan tidak akan dianggap lengkap dan manfaat di bawah pelan Sijil ini tidak perlu dibayar melainkan semua bil untuk tuntutan tersebut telah dikemukakan dan dipersetujui oleh Pengendali. Hanya kos sebenar yang ditanggung akan dipertimbangkan untuk pembayaran balik. Sebarang perubahan atau penepian bagi perkara di atas adalah atas budi bicara mutlak Pengendali Takaful.

32. ALTERATIONS/ PINDAAN

The Takaful Operator reserves the right to amend the terms and provisions of this Certificate by giving a thirty (30) days prior notice in writing by ordinary post to the Participant's last known address in the Takaful Operator's records, and such amendment shall be applicable from the next renewal of this Certificate. No alteration to this Certificate shall be valid unless authorized by the Takaful Operator and such approval is endorsed thereafter. The Takaful Operator should give thirty (30) days prior written notice to the Participant according to the last known address in the Takaful Operator's record for any alterations made.

Pengendali Takaful berhak untuk meminda terma dan peruntukan Sijil ini dengan memberikan notis bertulis tiga puluh (30) hari terlebih dahulu melalui pos biasa ke alamat terakhir Peserta dalam rekod Pengendali Takaful, dan pindaan tersebut hendaklah berkuat kuasa dari tarikh pembaharuan akan datang Sijil ini. Pindaan Sijil ini tidak sah melainkan Disahkan oleh Pengendali Takaful dan kelulusan tersebut diendors di dalamnya. Pengendali Takaful hendaklah memberikan notis bertulis tiga puluh (30) hari terlebih dahulu kepada Peserta di alamat terakhir yang diketahui dalam rekod Pengendali Takaful bagi sebarang pindaan yang dibuat.

33. OPTION TO RENEW WITHOUT UNDERWRITING / PILIHAN UNTUK MEMPERBAHARUI TANPA PENGUNDERAITAN

Upon expiry of this Certificate, and provided that there is no breach of all or any conditions governing this Certificate and as herein contained and as may be endorsed in this Certificate, this Certificate may be renewed for a period of ten (10) years without any underwriting subject to the following conditions:

Selepas Sijil ini tamat, dan dengan syarat bahawa tidak ada pelanggaran semua atau sebarang syarat yang mengawal Sijil ini dan seperti yang terkandung di sini dan sebagaimana yang disahkan dalam Sijil ini, Sijil ini boleh diperbaharui bagi tempoh sepuluh (10) tahun tanpa sebarang pengunderaitan tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

- (a) the Person Covered has not attained the age of sixty five (65) years old, age next birthday, at the time of renewal;
Orang Dilindungi belum mencapai umur enam puluh lima (65) tahun, umur hari jadi berikutnya, pada masa pembaharuan;
- (b) no Misrepresentation or fraud of material fact as defined in Clause 2.2 and 2.3 herein;
tiada Salahnyata atau penipuan fakta penting seperti yang dinyatakan dalam Klausula 2.2 dan Klausula 2.3 di dalam ini;
- (c) no claim has been approved and paid under this Certificate;
tiada tuntutan telah diluluskan dan dibayar di dalam Sijil ini;
- (d) the Certificate is not terminated as stated in Clause 22 of this Certificate; and
Sijil tidak ditamatkan seperti yang dinyatakan dalam Klausula 22 Sijil ini; dan
- (e) the Takaful Operator reserves the rights to change the Contribution rates according to the age of the Person Covered at the time of renewal according to Clause 30, herein.
Pengendali Takaful berhak untuk menukar kadar Sumbangan mengikut umur Orang Dilindungi pada masa pembaharuan mengikut Klausula 30, disini.

SECTION B/ BAHAGIAN B: CONDITIONS GOVERNING DEATH BENEFIT/ SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN KE ATAS MANFAAT KEMATIAN

1. DEATH BENEFIT/ MANFAAT KEMATIAN

In the event of death of the Person Covered while the Certificate is in-force, notification and proof of death (at the claimant's expense) must be filed as soon as practicable to the Takaful Operator. The death Benefit payable shall be the Sum Covered as per Schedule.

Sekiranya Orang Dilindungi meninggal dunia semasa Sijil masih berkuatkuasa, pemberitahuan dan bukti kematian (atas perbelanjaan pihak yang menuntut) mesti difailkan dengan secepat mungkin kepada Pengendali Takaful. Manfaat Kematian yang akan dibayar adalah Jumlah Perlindungan seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

Notwithstanding anything herein to the contrary, for payment of death Benefit, death must occur before the Expiry Date.

Walaupun terdapat kandungan di dalam ini yang bertentangan, untuk bayaran manfaat kematian, kematian mestilah berlaku sebelum Tarikh Akhir.

2. NOTIFICATION/ PEMBERITAHUAN

Notification of a claim for the death Benefit shall be given in writing to the Takaful Operator as soon as reasonably practicable after the death of the Person Covered.

Pemberitahuan tuntutan bagi Manfaat Kematian perlu diberi secara bertulis kepada Pengendali Takaful secepat mungkin selepas kematian Orang Dilindungi.

3. CONDITIONS OF PAYMENT/ SYARAT-SYARAT BAYARAN

Before the Takaful Operator makes any payment of the death Benefit, the following conditions shall have been complied with by the claimant at the head office of the Takaful Operator:

Sebelum Pengendali Takaful membuat sebarang bayaran Manfaat kematian, syarat-syarat berikut perlu dipatuhi oleh penuntut di Ibu Pejabat Pengendali Takaful:

- (a) the production of proof to the reasonable satisfaction of the Takaful Operator of the date of birth of the Person Covered and the death of the Person Covered and of the circumstances giving rise to the death of the Person Covered, procured at the sole expense of the Participant or the person or persons claiming payment; and

pengeluaran bukti yang dengan semunasabahnya memuaskan hati Pengendali Takaful dari tarikh kelahiran Orang Dilindungi dan kematian Orang Dilindungi dan keadaan yang menyebabkan kematian Orang Dilindungi, diperoleh dengan perbelanjaan sendiri Peserta atau individu tersebut atau orang yang menuntut pembayaran; dan

- (b) the production of the original of this Certificate and all documents considered necessary by the Takaful Operator to prove the title of the person or persons claiming payment.

pengeluaran dokumen Sijil yang asal dan semua dokumen yang dianggap perlu oleh Pengendali Takaful untuk membuktikan gelaran individu tersebut atau individu yang menuntut pembayaran.

4. CERTIFICATE TO CEASE UPON DEATH/ *SIJIL DITAMATKAN SELEPAS KEMATIAN*

For the avoidance of doubt, it is hereby declared and agreed that this Certificate will cease to be in force and all other Benefit payable under this Certificate will not apply or be payable upon the death of the Person Covered.

Untuk mengelakkan sebarang keraguan, adalah diisytiharkan dan dipersetujui yang Sijil ini akan ditamatkan dari penguatkuasaan dan semua Manfaat yang perlu dibayar di bawah Sijil ini tidak akan terpakai atau akan dibayar selepas kematian Orang Dilindungi.

SECTION C/ BAHAGIAN C: CONDITIONS GOVERNING TOTAL AND PERMANENT DISABILITY BENEFIT/ SYARAT-SYARAT YANG DIKENAKAN KE ATAS MANFAAT HILANG UPAYA MENYELURUH DAN KEKAL

1. TPD BENEFIT/ MANFAAT TPD

- 1.1 The TPD Benefit payable under this Certificate shall be the Sum Covered as per Schedule.

Manfaat TPD yang harus dibayar di bawah Sijil ini adalah Jumlah Perlindungan seperti yang dinyatakan dalam Jadual.

Notwithstanding anything herein to the contrary, the maximum Age of the Person Covered for payment of TPD Benefit shall be up to the Certificate anniversary date after the Person Covered's attained age of sixty five (65) years old.

Walaupun terdapat kandungan di dalam ini yang bertentangan, Umur maksimum Orang Dilindungi untuk pembayaran Manfaat TPD adalah sehingga tarikh ulangtahun Sijil selepas Orang Dilindungi berumur enam puluh lima (65) tahun pada umur tercapai.

- 1.2 Notwithstanding anything contrary herein contained, it is hereby declared and agreed that the aggregate of the TPD Benefit payable under this Certificate and all other Certificate under HLM Takaful, if any, providing coverage for the Person Covered, either already issued or to be issued by the Takaful Operator shall not exceed RM 3,500,000.00 at the time the Person Covered suffers the TPD.

Walaupun yang terkandung di dalam Sijil ini yang bertentangan, adalah diakui dan dipersetujui bahawa nilai pembayaran manfaat TPD di bawah Sijil ini dan semua Sijil di bawah HLM Takaful, jika ada, yang memberikan perlindungan untuk Orang Dilindungi, samada yang telah dikeluarkan atau akan dikeluarkan oleh Pengendali Takaful tidak akan melebihi RM 3,500,000.00 ketika Orang Dilindungi mengalami TPD.

2. DEFINITION OF TPD/DEFINISI TPD

"Total and Permanent Disability" or "Disability" means complete and continuous inability of the Person Covered due to injury or sickness to perform or engage in any gainful work, occupation or business for which he is reasonably qualified or fitted by knowledge, training or experience.

"Hilang Upaya Menyeluruh dan Kekal" atau "Hilang Upaya" bermakna hilang upaya dan kekal dan berterusan Orang Dilindungi disebabkan kecederaan atau penyakit untuk melaksanakan atau melibatkan diri dalam sebarang kerja berupah, pekerjaan atau perniagaan yang dia secara wajarnya berkecualan atau cekap dengan memiliki pengetahuan, latihan atau pengalaman.

In order for the Takaful Operator to determine for claim purposes the total and permanent character of the Person Covered's disability, it is mandatory that the disability must be uninterrupted for at least six (6) months from its Commencement Date except in cases of Presumptive Disability below where the Takaful Operator immediately recognize the Disability as being total and permanent in nature.

Untuk Pengendali Takaful menentukan bagi tujuan tuntutan ciri menyeluruh dan kekal hilang upaya Orang Dilindungi, adalah mandatori bahawa hilang upaya itu mestilah berterusan selama sekurang-kurangnya enam (6) bulan dari tarikh mula kecualli dalam kes Hilang Upaya Andaian di bawah di mana Pengendali Takaful dengan serta-merta mengenal pasti Hilang Upaya itu sebagai bersifat menyeluruh dan kekal.

If the Person Covered is unemployed or not engaged in any gainful work, occupation or business or had permanently retired at any time in the six (6) months preceding the Disability, the Person Covered will be deemed as totally and permanently disabled if the Person Covered is unable to perform at least three (3) of the ADL either with or without the use of mechanical equipment, special devices or other aids and adaptations in use for disabled persons.

Sekiranya Orang Dilindungi tidak bekerja atau tidak melibatkan diri dalam sebarang kerja, pekerjaan atau perniagaan yang menguntungkan atau telah bersara secara kekal pada bila-bila masa dalam tempoh enam (6) bulan sebelum Hilang Upaya, Orang Dilindungi akan dianggap sebagai hilang upaya menyeluruh dan kekal dengan syarat bahawa Orang Dilindungi tidak berupaya untuk melakukan sekurang-kurangnya

tiga (3) daripada ADL sama ada dengan atau tanpa penggunaan peralatan mekanikal, alat khas atau lain-lain bantuan dan penyesuaian yang digunakan bagi orang-orang kurang upaya.

"Presumptive Disability" means the occurrence of any of the following:

"Hilang Upaya Andaian" bermakna terjadinya mana-mana yang berikut:

- (a) the total and permanent loss of sight in both eyes, or;
hilang penglihatan kedua-dua mata secara menyeluruh dan kekal;
- (b) the loss by physical severance of two limbs at or above the wrist or ankle, or
putus kedua-dua anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali; atau
- (c) the total and permanent loss of sight in one eye and the loss by physical severance of one limb at or above the wrist or ankle.
hilang penglihatan satu mata secara menyeluruh dan kekal dan hilang disebabkan putus satu anggota pada atau di atas pergelangan tangan atau buku lali.

3. NOTIFICATION/ PEMBERITAHUAN

Immediately upon the occurrence of a TPD, the Takaful Operator must be notified in writing with full particulars together with the current address and the location of the Person Covered.

Sejurus selepas berlakunya TPD, Pengendali Takaful mesti dimaklumkan secara bertulis dengan butiran penuh bersama alamat dan lokasi semasa Orang Dilindungi.

4. CONDITIONS FOR PAYMENT/ SYARAT PEMBAYARAN

- 4.1 Within ninety (90) days of the occurrence of a TPD, evidence of such disability shall be given to the Takaful Operator at the sole cost and expense of the Participant to the sole satisfaction of the Takaful Operator.

Dalam masa sembilan puluh (90) hari selepas mengalami TPD, bukti kehilangan upaya tersebut hendaklah diberikan kepada Pengendali Takaful atas kos dan perbelanjaan penuh Pemegang Sijil yang memuaskan semata-mata kepada Pengendali Takaful.

- 4.2 The Takaful Operator shall not be obliged to give any reason for not being satisfied with any of the evidence offered.

Pengendali Takaful tidak berkewajipan untuk memberikan sebarang sebab kerana tidak berpuas hati dengan mana-mana bukti yang diberikan.

- 4.3 The Participant or the claimant must produce the original of this Certificate and all other certificate documents, if any, covering the Person Covered on TPD.

Peserta atau pihak yang membuat tuntutan mesti mengemukakan salinan asal dokumen sijil ini dan semua dokumen Sijil lain, jika ada, yang melindungi Orang Dilindungi terhadap TPD.

- 4.4 Any Medical Practitioner engaged by the Takaful Operator shall be allowed to examine the Person Covered in respect of any alleged TPD in the manner and at the times such Medical Practitioner may specify.

Mana-mana Pengamal Perubatan yang dilantik oleh Pengendali Takaful hendaklah dibenarkan memeriksa Orang Dilindungi bagi yang didakwa dengan cara dan pada masa yang ditetapkan oleh Pengamal Perubatan.

- 4.5 No TPD Benefit shall be payable if there is a failure to comply with any one of the conditions above.

Manfaat TPD tidak akan dibayar jika terdapat kegagalan untuk memenuhi mana-mana satu Syarat di atas.

- 4.6 If there is a failure to comply with any one of the aforesaid conditions, no claim on account of any alleged disability or for any payment herein shall arise or be made or be enforceable against the Takaful Operator.

Jika terdapat kegagalan untuk mematuhi sebarang syarat-syarat yang telah disebutkan di atas, tiada tuntutan disebabkan ketidakupayaan atau untuk sebarang bayaran di bawah ini patut timbul atau dibuat atau boleh dikuatkuasakan terhadap Pengendali Takaful.

5. CERTIFICATE TO CEASE UPON CLAIM PAYMENT / SIJIL DITAMATKAN SELEPAS PEMBAYARAN TUNTUTAN

For the avoidance of doubt, it is hereby declared and agreed that all other Benefit payable under this Certificate will not be payable after the admission by the Takaful Operator of a claim for the TPD Benefit except for the TPD Benefit itself and the balance, if any, of the Sum Covered shall be payable upon the death of Person Covered.

Untuk mengelakkan keraguan, dengan ini diisytiharkan dan dipersetujui bahawa semua Manfaat yang akan dibayar di bawah Sijil ini tidak akan dibayar selepas kemasukan tuntutan oleh Pengendali Takaful akan Manfaat TPD kecuali Manfaat TPD sendiri dan baki, jika ada, Jumlah Perlindungan akan dibayar selepas kematian Orang Dilindungi.

SECTION D: EXCLUSIONS/ PENGECUALIAN

1. No death Benefit payment shall be applicable if death results directly or indirectly from suicide within twelve (12) months from the Commencement Date.
Tiada pembayaran Manfaat kematian sekiranya ada, jika kematian berlaku secara langsung atau tidak langsung akibat bunuh diri dalam tempoh dua belas (12) bulan dari Tarikh Permulaan.
2. No Benefit shall be payable if TPD results directly or indirectly from:
Tiada Manfaat akan dibayar jika TPD disebabkan oleh:
 - (a) self-inflicted injury while sane or insane; or
Kecederaan diri sendiri yang disengajakan ketika siuman atau tidak siuman; atau
 - (b) under the influence of any alcohol, narcotics or drugs; or
di bawah pengaruh alkohol, narkotik atau dadah; atau
 - (c) entering, operating, or servicing, ascending or descending, from or with any aerial device or conveyance except while the Person Covered is in an aircraft operated by a commercial passenger airline on a regular scheduled passenger trip over its established passenger route; or
memasuki, mengendali, atau berkhidmat, menaiki atau menuruni, daripada atau dengan mana-mana peranti atau pengangkutan udara kecuali semasa Orang Dilindungi berada di dalam pesawat yang dikendalikan oleh penerbangan komersial dengan penerbangan berjadual melalui laluan penumpang yang ditubuhkan; atau
 - (d) service in the armed forces or participation in military manoeuvre or activities or in any acts of war (declared or undeclared) or terrorism;
perkhidmatan dalam angkatan tentera atau penyertaan dalam gerakan atau aktiviti ketenteraan atau dalam apa-apa tindakan perang (diisytiharkan atau tidak diisytiharkan) atau keganasan; atau
 - (e) by war (declared or undeclared), invasion, act of foreign enemies, hostilities, civil war, rebellion, revolution, insurrection, military or usurped power, riot or civil commotion; or
dengan peperangan (diisytiharkan atau tidak diisytiharkan), serangan, tindakan musuh asing, permusuhan, perang saudara, pemberontakan, revolusi, penderhakaan, kuasa tentera atau rampasan kuasa, rusuhan atau kekecohan awam; atau
 - (f) by or arising from any act of Terrorism and any action taken in controlling, preventing suppressing or any way relating to these activities; or
dengan atau yang timbul daripada sebarang tindakan keganasan dan sebarang tindakan yang diambil untuk mengawal, mencegah, membentasi atau sebarang cara yang berkaitan dengan aktiviti-aktiviti ini; atau
 - (g) from any criminal violation or attempted violation of the law or resistance to arrest; or
dari sebarang pelanggaran jenayah atau percubaan untuk melanggar undang-undang atau menentang daripada ditahan; atau
 - (h) involvement in any dangerous sports or hobbies such as racing (other than on foot), glider flying, sailing or other hobbies which are comparably dangerous and risky unless sports risk premium is paid; or
penglibatan dalam sebarang sukan berbahaya atau hobi seperti perlumbaan (selain daripada menggunakan kaki), glider terbang, belayar atau hobi lain yang berbahaya dan berisiko kecuali premium risiko sukan dibayar; atau
 - (i) any illness or disease arising from or suffered as a result of the above; or
sebarang penyakit atau penyakit yang timbul daripada atau yang ditanggung akibat di atas; atau
 - (j) any conditions that existed prior to or at the certificate issue date of this Benefit or the date of any reinstatement, whichever is later.

Sebarang keadaan yang wujud sebelum atau pada tarikh pengeluaran sijil manfaat ini atau tarikh pengembalian semula, yang mana kemudian.

If there is any conflict or inconsistency between any of the contents of this document and the contents of a version of this same document issued or printed in any other language, the contents of this document issued and printed in the English Language shall prevail.

Sekiranya terdapat sebarang percanggahan atau ketidakselarian di antara sebarang kandungan dokumen ini dengan kandungan suatu versi dokumen ini yang dikeluarkan atau dicetak dalam sebarang bahasa lain, kandungan dokumen yang telah dikeluarkan dan dicetak dalam Bahasa Inggeris akan diberi keutamaan.